SISTEM PERBANKAN ISLAM DI MALAYSIA DAN PENGARUHNYA DALAM TRANSFORMASI KEWANGAN DUNIA ISLAM

Oleh: Prof. Madya Dr. Asyraf Wajdi Dusuki*

Pendahuluan

Krisis kewangan yang bermula seawal pertengahan 2007 yang melibatkan kuasa-kuasa gergasi ekonomi dunia seperti Amerika Syarikat dan kebanyakan Negara-negara Barat di Eropah sebenarnya masih berbekas sehingga ke hari ini. Krisis yang dianggap oleh para sarjana ekonomi dunia sebagai krisis terburuk selepas 'The Great Depression' pada tahun 1930an itu bukan sahaja meranapkan banyak institusi perbankan yang bersaiz mega seperti Northern Rock, Bear Stearns, IndyMac Bank dan Washinton Mutual bahkan mengakibatkan kesengsaraan kepada jutaan penduduk Amerika dan Eropah. Ramai yang menjadi papa sekelip mata lantaran wang simpanan hampir lenyap dan nilai wang simpanan pencen menjunam teruk sehingga menyebabkan rata-rata masyarakat sudah hilang kepercayaan terhadap sistem kewangan dan institusi perbankan sedia ada. Krisis kewangan yang bermula di Amerika Syarikat cepat merebak ke Eropah hingga akhirnya bertukar menjadi malapetaka ekonomi terburuk yang turut memberi impak serius terhadap kestabilan ekonomi global. Tidak terkecuali negara-negara membangun dan di kalangan negara-negara rakan dagangan seantero dunia yang amat bergantung pada pelaburan langsung asing, urus niaga kredit dan perdagangan antarabangsa dengan negara-negara yang dilanda krisis kewangan ini.

* Prof. Madya Dr Asyraf Wajdi Dusuki ialah Ketua Penyelidik di Akademi Penyelidikan Antarabangsa Dalam Kewangan Islam (ISRA). Beliau boleh dihubungi di asyraf@isra.my.

Apa yang pasti krisis kewangan global ini telah benar-benar memberikan impak besar terhadap landskap ekonomi dunia bahkan mencetuskan fenomena perdebatan mengenai keperluan mendesak untuk kembali menilai struktur kewangan antarabangsa yang lebih mapan dan utuh demi kemaslahatan masyarakat dunia. Di tengah-tengah polemik inilah, ramai pakar-pakar ekonomi dunia termasuklah daripada Bank Dunia dan International Monetary Fund (IMF) telah mula memberi perhatian terhadap sistem kewangan dan perbankan Islam yang dilihat lebih stabil dan ampuh pada ketika banyak institusi-institusi kewangan konvensional terpaksa berhempas-pulas untuk terus kekal beroperasi.

Walaupun institusi perbankan Islam telah bermula seawal 1970an lagi, hanya sejak beberapa tahun kebelakangan ini sahaja masyarakat dunia mulai memberi perhatian serius terhadap sistem berasaskan Syariah yang bebas daripada riba dan unsur-unsur penyelewengan lantaran kemelut dan krisis yang melanda sistem kewangan konvensional ketika ini. Pelbagai persoalan mulai bermain dan melingkari benak pemikiran masyarakat kewangan dan ekonomi antarabangsa tentang apakah keistimewaan dan kekuatan sistem perbankan Islam yang menjadikan mereka seolah-olah begitu perkasa dalam berhadapan dengan krisis kewangan yang terburuk pernah dialami oleh negara-negara maju di dunia pada abad ini.

Justeru kertas kerja ringkas ini disediakan untuk menilai potensi dan pengaruh sistem perbankan Islam bukan sahaja dalam usaha mentransformasikan kewangan dunia Islam bahkan sebagai alternatif terbaik kepada sistem konvensional yang semakin disedari dan diperakui ramai sebagai suatu sistem yang bobrok dan tidak stabil. Kertas ini juga akan cuba untuk memberikan perspektif yang jelas mengenai keistimewaan sistem perbankan Islam yang terbina di atas prinsip Maqasid al-Syariah hingga menjadikannya satu struktur yang ampuh dalam berhadapan dengan krisis kewangan dunia.

Bersandarkan objektif di atas, kertas ini memulakan perbincangan dengan menelusuri sejarah perkembangan sistem perbankan Islam moden sebelum memfokuskan kepada pembangunan institusi perbankan Islam di Malaysia yang sebenarnya antara negara terawal yang mempelopori gagasan perbankan Islam. Seterusnya kertas ini akan cuba menyingkap krisis kewangan global

dengan memberikan hujah-hujah untuk menjustifikasikan alasan mengapa perbankan Islam dilihat mampu menjadi institusi alternatif kepada institusi konvensional. Kertas ini juga secara lebih terperinci membahaskan aspek Maqasid al-Syariah sebagai teras yang mendasari kekuatan institusi perbankan Islam yang sekali gus mampu mempengaruhi transformasi kewangan dunia Islam kepada yang lebih adil dan saksama.

Sejarah Perkembangan Perbankan Islam Moden

Dalam disiplin ilmu Syariah, aspek muamalah merupakan komponen yang sama penting dengan aspek ibadah yang bersifat ta`abbudi. Berbanding dengan ibadah yang lebih ketat dari segi pengeluaran hukum, bidang muamalah seperti amalan perekonomian umat Islam adalah lebih anjal selagi mana masih dalam ruang-lingkup yang dibenarkan syarak. Kaedah fiqhiyyah yang mendasari pengeluaran hukum-hukam yang berkaitan muamalah sebagaimana yang dipersetujui oleh kebanyakan ulamak adalah:

الْأَصْلُ فِي الْأَشْيَاءِ الْإِبَاحَةُ حَتَّى يَدُلَّ الدَّلِيلُ عَلَى التَّحْرِيمِ

"Hukum asal setiap perkara adalah harus sehingga ada dalil yang menunjukkan haram.[1]"

Berasaskan prinsip ini jugalah sistem muamalah Islam sentiasa berkembang mengikut peredaran zaman sehingga pelbagai bentuk inovasi (ibtikar) baru diperkenalkan dalam amalan ekonomi dan kewangan berdasarkan keanjalan hukum yang berkaitan muamalah ini sebagaimana disebut juga dalam kaedah fiqhiyyah yang lain:

لَا يُنْكَرُ تَغَيُّرُ الْأَحْكَامِ بِتَغَيُّرِ الْأَزْمَانِ

"Tidak dapat dimungkari bahawa perubahan hukum disebabkan perubahan masa"[2]

Walaupun sistem muamalah Islam pada hakikatnya telah bermula sejak zaman Nabi Muhammad SAW, namun model perbankan yang kita fahami hari ini merupakan fenomena asing daripada urus niaga tradisional muamalah Islam. Berbanding entiti komersial lain, bank merupakan institusi perantara (financial intermediary) yang mengumpulkan dana-dana daripada orang awam atau dikenali sebagai deposit untuk disalurkan kepada pelanggan-pelanggan yang memerlukan

[1] Al-Suyuti, *Al-Ashbah Wa al-Naza'ir*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1411H, hlmn. 60, Ibn Nujaym, *Al-Ashbah Wa al-Naza'ir*, Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1419H, hlmn. 56.
[2] Majalah Al-Ahkam Al-Adliyyah, Jilid 1, hlm 20, kaedah no.39.

pembiayaan sama ada untuk kegunaan peribadi (seperti membeli rumah, kenderaan dan apa sahaja keperluan hidup lain) atau untuk kegunaan syarikat (seperti modal awal untuk memulakan perniagaan, membeli bahan mentah, membayar gaji dan membeli aset-aset untuk mengembangkan syarikat). Dengan kata lain bank hanyalah satu entiti perantara kewangan yang menghubungkan mereka yang mempunyai simpanan wang berlebihan dengan mereka yang memerlukan wang untuk kegunaan pelbagai urusan hidup seharian.

Dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai perantara kewangan ini, bank konvensional yang beroperasi pada zaman moden amat bergantung kepada kontrak atau perjanjian berbentuk pinjaman atau hutang bagi menghubungkan kedua-dua entiti ini. Di satu pihak bank memeterai perjanjian pinjaman dengan pendeposit yang bersetuju memberikan wang mereka untuk dilaburkan bank dengan mendapat pulangan tetap berbentuk faedah. Di satu pihak yang lain bank mengikat kontrak pinjaman dengan pelanggan yang ingin mendapatkan pembiayaan bagi memenuhi keperluan hidup yang pelbagai. Kontrak pinjaman untuk tujuan pembiayaan ini juga berasaskan faedah yang dikenakan pihak bank mengikut kadar tertentu. Perbezaan kadar faedah yang dikenakan ke atas peminjam-peminjam bank dengan kadar faedah yang ditawarkan kepada para pendeposit merupakan sumber perolehan terpenting dalam mana-mana operasi perbankan.

Daripada perspektif Islam, transaksi pinjaman[3] berasaskan faedah sebagaimana yang diamalkan oleh bank-bank konvensional ini amat jelas bertentangan dengan prinsip Syarak kerana ia merupakan salah satu daripada bentuk riba yang diharamkan. Hadis Nabi SAW mengenai kontrak pinjaman jelas mensyaratkan bahawa:

كُلُّ قَرْضٍ جَرَّ مَنْفَعَةً، فَهُوَ رِبًا

"Setiap pinjaman yang memberi manfaat(kepada pemberi pinjaman) merupakan riba".[4]

[3] Pinjaman dalam bahasa Arab disebut Qard (القرض) yang mengikut istilah para fuqaha, ialah memberi hak miliksesuatu barangan kepada orang lain dengan syarat orang tersebut memulangkan semula gantinya tanpa sebarang tambahan. Menurut Ulamak Hanafi: Qard ialah pemberian harta mithli oleh seseorang kepada seseorang yang lain supaya dia membayarnya semula. Lihat Zulkifli Mohanad Al-Bakri, (2011) Kewangan Islam Dalam Fiqh Syafi'i. IBFIM, Kuala Lumpur.m/s 160.

[4] Sunan Al-Kubra Al-Baihaqi, Jilid 5, hlm 571.

Hakikatnya, riba yang diamalkan oleh bank-bank konvensional hari ini tidak jauh berbeza dengan amalan masyarakat jahiliyyah lampau. Malah amalan bank yang mengenakan caj faedah berganda (compounding interest) dalam kebanyakan produk-produk perbankan kini seperti dalam urus niaga kad kredit apabila seseorang tidak melunaskan pembayaran pada tempoh masa yang ditetapkan adalah sama dengan amalan jahiliyyah sebelum kedatangan Islam. Amalan tersebut dikenali sebagai Riba Jahiliyyah iaitu satu bentuk riba yang wujud lantaran si pemberi pinjaman mengenakan kadar denda ke atas si peminjam kerana meminta penangguhan bayaran hutang atau gagal membayar hutang dalam waktu yang ditetapkan. Sebab itulah apabila Allah menurunkan ayat pengharaman riba, mereka masih cuba memutar-belitkan hakikat sebenar dengan menjustifikasikan bahawa riba adalah salah satu cara mengaut keuntungan yang tiada bezanya dengan transaksi jual beli yang lain.

Namun Allah menyangkal hujah mereka bahkan mengancam hukuman yang berat dan seksaan yang kekal dalam neraka sebagaimana firman Allah SWT:

الَّذِينَ يَأْكُلُونَ الرِّبَا لَا يَقُومُونَ إِلَّا كَمَا يَقُومُ الَّذِي يَتَخَبَّطُهُ الشَّيْطَانُ مِنَ الْمَسِّ ذَلِكَ بِأَنَّهُمْ قَالُوا إِنَّمَا الْبَيْعُ مِثْلُ الرِّبَا وَأَحَلَّ اللَّهُ الْبَيْعَ وَحَرَّمَ الرِّبَا فَمَنْ جَاءَهُ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّهِ فَانْتَهَى فَلَهُ مَا سَلَفَ وَأَمْرُهُ إِلَى اللَّهِ وَمَنْ عَادَ فَأُولَئِكَ أَصْحَابُ النَّارِ هُمْ فِيهَا خَالِدُونَ

"Orang-orang yang memakan (mengambil) riba itu tidak dapat berdiri betul melainkan seperti berdirinya orang yang dirasuk Syaitan dengan terhuyung-hayang kerana sentuhan (Syaitan) itu. Yang demikian ialah disebabkan mereka mengatakan: Bahawa sesungguhnya berniaga itu sama sahaja seperti riba. Padahal Allah telah menghalalkan berjual beli (berniaga) dan mengharamkan riba. Oleh itu sesiapa yang telah sampai kepadanya peringatan (larangan) dari Tuhannya lalu dia berhenti (dari mengambil riba), maka apa yang telah diambilnya dahulu (sebelum pengharaman itu) adalah menjadi haknya dan perkaranya terserahlah kepada Allah dan sesiapa yang mengulangi lagi (perbuatan mengambil riba itu) maka mereka itulah ahli Neraka, mereka kekal di dalamnya."[5]

[5] Al-Baqarah: 2:275

Pengharaman riba sebagaimana yang diperintahkan Allah dalam ayat di atas tidak membezakan nilai riba yang diurus niagakan sama ada sedikit mahupun besar kerana semuanya adalah dosa besar yang wajib dijauhkan. Malah Allah memberikan amaran yang keras terhadap pengamal riba tidak seperti mana mereka yang melakukan kesalahan-kesalahan yang lain sebagaimana FirmanNya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ وَذَرُوا مَا بَقِيَ مِنَ الرِّبَا إِنْ كُنْتُمْ مُؤْمِنِينَ (278) فَإِنْ لَمْ تَفْعَلُوا فَأْذَنُوا بِحَرْبٍ مِنَ اللَّهِ وَرَسُولِهِ وَإِنْ تُبْتُمْ فَلَكُمْ رُءُوسُ أَمْوَالِكُمْ لَا تَظْلِمُونَ وَلَا تُظْلَمُونَ

"Wahai orang-orang yang beriman! Bertakwalah kamu kepada Allah dan tinggalkanlah (jangan menuntut lagi) saki baki riba (yang masih ada pada orang yang berhutang) itu, jika benar kamu orang-orang yang beriman. (278) Oleh itu, kalau kamu tidak juga melakukan (perintah mengenai larangan riba itu), maka ketahuilah kamu: Akan adanya peperangan dari Allah dan RasulNya, (akibatnya kamu tidak menemui selamat) dan jika kamu bertaubat, maka hak kamu (yang sebenarnya) ialah pokok asal harta kamu. (Dengan yang demikian) kamu tidak berlaku zalim kepada sesiapa dan kamu juga tidak dizalimi oleh sesiapa"[6].

Tafsir Ibn Kathir meriwayatkan kata-kata Ibn Abbas yang menyebut:

فَمَنْ كَانَ مُقِيمًا عَلَى الرِّبَا لَا يَنْزَعُ عَنْهُ فَحَقٌّ عَلَى إِمَامِ الْمُسْلِمِينَ أَنْ يَسْتَتِيبَهُ، فَإِنْ نَزَعَ وَإِلَّا ضَرَبَ عُنُقَهُ

"Sesiapa yang masih mengamalkan riba dan tidak mahu menjauhinya, maka pemerintah umat Islam berhak memintanya bertaubat. Jika tidak juga bertaubat, pemerintah berhak memenggal tengkuknya".

Begitulah kerasnya sesetengah ahli tafsir menelaah maksud ayat-ayat riba yang pada hakikatnya amat berat kesalahannya di sisi Allah. Sebab itulah Nabi SAW turut menggambarkan bahawa dosa riba merupakan sebahagian daripada tujuh kesalahan besar yang dilaknat Allah:

اجْتَنِبُوا السَّبْعَ الْمُوبِقَاتِ ، قَالُوا: يَا رَسُولَ اللَّهِ وَمَا هُنَّ؟ قَالَ: «الشِّرْكُ بِاللَّهِ، وَالسِّحْرُ، وَقَتْلُ النَّفْسِ الَّتِي حَرَّمَ اللَّهُ إِلَّا بِالحَقِّ، وَأَكْلُ الرِّبَا، وَأَكْلُ مَالِ اليَتِيمِ، وَالتَّوَلِّي يَوْمَ الزَّحْفِ، وَقَذْفُ الْمُحْصَنَاتِ الْمُؤْمِنَاتِ الغَافِلاَتِ

[6] Al-Baqarah; 2:278-279

“Jauhilah tujuh kesalahan besar. Para sahabat bertanya: Wahai Rasulullah, apakah kesalahan itu? Baginda menjawab: Mensyirikkan Allah SWT, sihir, membunuh nyawa yang diharamkan Allah SWT kecuali kerana kebenaran, makan riba, makan harta anak yatim, lari daripada pertempuran, serta menuduh wanita suci dan beriman berzina tanpa disedarinya.”[7]

Dalam satu hadis yang lain Nabi SAW menggambarkan dosa riba ini lebih teruk daripada berzina dengan ibu kandung sendiri:

الرِّبَا ثَلَاثَةٌ وَسَبْعُونَ بَابًا، أَيْسَرُهَا مِثْلُ أَنْ يَنْكِحَ الرَّجُلُ أُمَّهُ، وَإِنَّ أَرْبَى الرِّبَا عِرْضُ الرَّجُلِ الْمُسْلِمِ

“Riba terbahagi kepada tujuh puluh tiga jenis, yang paling rendah diantaranya seperti menikahi seseorang dengan ibunya sendiri, dan yang paling teruk antaranya ialah memusnahkan maruah seseorang Muslim"[8].

Dosa riba ini juga bukan terhad kepada pemberi dan penerima sahaja malah yang bersubahat sama ada sebagai saksi mahupun sebagai penulis sebagaimana hadis Nabi SAW:

لَعَنَ رَسُولُ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ آكِلَ الرِّبَا، وَمُؤْكِلَهُ، وَكَاتِبَهُ، وَشَاهِدَيْهِ» ، وَقَالَ: هُمْ سَوَاءٌ

“Rasulullah SAW melaknat pemakan riba, wakilnya, penulisnya dan dua orang saksinya. Baginda kemudiannya bersabda: Mereka semua sama”.[9]

Menyedari hakikat inilah, gerakan menyuburkan kesedaran akan keperluan membangunkan sistem ekonomi dan kewangan alternatif dimulakan terutamanya di kalangan pemikir-pemikir Islam seantero dunia seawal 1940an dengan pelbagai makalah dan penulisan berkenaan dengan prinsip ekonomi yang berteraskan neraca keadilan dan kesaksamaan. Gerakan-gerakan Islam yang bermula di Tanah Arab sehingga menjalar ke Asia Timur, Barat dan Tenggara turut memainkan peranan penting mencetuskan semangat di kalangan umat Islam yang rata-rata baru keluar daripada belenggu penjajahan untuk kembali memartabatkan cara hidup Islam yang syumul termasuklah membebaskan sistem ekonomi yang berasaskan riba.

---

[7] Riwayat Al-Bukhari (2615) dan Muslim (89)
[8] Riwayat Ibn Majah dan Al-Hakim
[9] Sahih Muslim (1219).

Namun hanya sekitar tahun 1970an, kesedaran di kalangan negara-negara Islam memuncak terutamanya selepas kebanyakan negara memperoleh kemerdekaan dan diransang dengan limpahan minyak dan hasil bumi di kebanyakan negara-negara Islam. Almarhum Raja Faisal bin Abdul Aziz al-Saud dari Arab Saudi dianggap sebagai antara individu penting yang memainkan peranan dalam perkembangan ekonomi Islam. Baginda telah mengusahakan penubuhan Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC) dan menyarankan agar setiap negara Islam menubuhkan perbankan Islam.[10] Penubuhan Islamic Development Bank pada 1975 dianggap sebagai pendorong kepada penubuhan bank-bank Islam komersial yang lain seperti Dubai Islamic Bank pada tahun yang sama iaitu 1975. Pada tahun 1977, tiga lagi bank-bank Islam ditubuhkan iaitu Faisal Islamic Bank of Egypt, Faisal Islami Bank of Sudan dan Kuwait Finance House. Kebanyakan bank-bank ini ditubuhkan atas inisiatif individu dan bukan sangat didokong oleh mana-mana negara Islam.

Sekitar awal tahun 1980an, keseriusan untuk membangunkan sistem perbankan Islam mula dipelopori secara lebih teratur oleh beberapa kerajaan Negara-Negara Islam. Antara negara-negara terawal yang menyambut idea penubuhan sistem perbankan Islam ini termasuklah Pakistan, Sudan, Iran dan Malaysia. Berbeza dengan pendekatan evolusi yang diambil oleh kerajaan Malaysia dalam membangunkan sistem perbankan Islam pada waktu itu, kerajaan-kerajaan yang baru mendapat kuasa politik di Pakistan, Iran dan Sudan mengambil langkah yang bersifat revolusi dengan cubaan untuk menukar seluruh sistem yang sedia ada kepada sistem Islam.

Kertas ini tidak bercadang untuk menelusuri secara kritis dan mendalam pendekatan berbeza-beza yang diambil oleh empat buah negara pelopor perbankan Islam ini lantaran di luar mauduk kertas ini. Namun cukuplah penulis katakan bahawa pengalaman dan pendekatan Malaysia yang bersifat tadarruj dalam membangunkan sistem perbankan Islam adalah lebih praktikal dan berkekalan. Malah sehingga hari ini Malaysia dianggap sebagai model perbankan Islam moden yang paling berjaya. Bahagian seterusnya akan menelusuri perkembangan pembangunan institusi perbankan Islam di Malaysia.

[10] Ali, Muazzam (1988) A Framework of Islamic Banking, di dalam John R. Presley, Directory of Islamic Financial Institutions, London, Croom Helm, hlm. 3-13.

Pembangunan Institusi Perbankan Islam di Malaysia

Perkembangan perbankan Islam di Malaysia hakikatnya bermula seawal tahun 1962 dengan penubuhan Tabung Haji yang diberi mandat untuk menguruskan dana-dana masyarakat Islam yang menyimpan dengan tujuan untuk membolehkan mereka menunaikan rukun Islam kelima iaitu ibadah Haji. Pada tahun 1980, peserta-peserta Kongres Ekonomi Bumiputera telah meluluskan usul meminta kerajaan membenarkan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) menubuhkan sebuah bank Islam bagi tujuan mengumpul dan melaburkan wang milik umat Islam. Hasil desakan orang ramai, kerajaan pada 30 Julai 1981, telah membentuk Jawatankuasa Pemandu Kebangsaan Bank Islam yang dipengerusikan oleh Tan Sri Raja Mohar bin Raja Badiozaman dan Tabung Haji sebagai pihak urus setia.[11] Untuk membolehkan sebuah bank Islam beroperasi, jawatankuasa ini mencadangkan suatu peruntukan undang-undang baru yang mampu memberi lesen dan mengawal-selia perbankan Islam. Akhirnya, Parlimen meluluskan akta yang dikenali sebagai Akta Bank Islam 1983 yang berkuat kuasa pada 7 April 1983 yang membuka jalan kepada penubuhan Bank Islam pertama di Malaysia.

Pada 1 Julai 1983, Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) telah ditubuhkan dan beroperasi secara rasmi setelah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965. Bank Islam ini menawarkan produk-produk asas sebagaimana yang ditawarkan di bank-bank konvensional seperti akaun simpanan, pembiayaan kenderaan, rumah, peribadi dan pembiayaan korporat. Namun produk-produk ini distrukturkan berasaskan kontrak-kontrak dan prinsip-prinsip yang dibenarkan Syarak. Di bawah Akta Bank Islam 1983, juga mengehendaki BIMB menubuhkan Jawatankuasa Pengawasan Syariah yang menentukan setiap transaksi dan produk-produk yang ditawarkan menepati lunas-lunas Syarak.

Sepanjang10 tahun pertama operasi BIMB, tidak ada bank-bank lain yang diberikan lesen untuk menjalankan aktiviti perbankan Islam. Ini antara lainnya untuk memastikan institusi perbankan Islam ini benar-benar berdaya maju dan mampu beroperasi di tengah-tengah sistem kewangan konvensional yang sudah lama bertapak. Hanya pada tahun 1993, Akta Bank dan Institusi Kewangan (BAFIA) dipinda bagi membolehkan bank-bank konvensional menawarkan produk-

[11] Sila rujuk Haron, S. (2008) Sistem Kewangan dan Perbankan Islam. Kuala Lumpur Business School. m/s74-75.

produk yang memenuhi tuntutan Syarak. Bermula era inilah, Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada 4 Mac 1994 yang membolehkan perbankan Islam beroperasi di bank-bank konvensional melalui apa yang dikenali sebagai Tingkap Islam atau Islamic Window.[12] Operasi bank-bank ini dari aspek pematuhan syariahnya bukan sahaja dikawal-selia oleh Bank Negara, malah turut dipantau oleh jawatankuasa-jawatankuasa Syariah yang diwajibkan bagi setiap bank untuk dibentuk di peringkat bank-bank yang menawarkan perbankan Islam.

Bagi memastikan aspek pematuhan Syariah diperkemas, Bank Negara Malaysia telah menubuhkan Majlis Penasihat Syariah (MPS) Kebangsaan pada 1 Mei 1997 dengan anggota seramai 10 orang termasuk seorang daripada luar negara. Majlis ini kemudiannya dinaikkan taraf ke peringkat tertinggi setelah Akta Bank Negara 2009 dipinda. Antara lainnya Akta ini memperuntukkan kuasa lebih besar sehinggakan segala resolusi dan fatwa yang dikeluarkan oleh MPS berkaitan isu-isu Syariah yang melibatkan perjalanan dan operasi perbankan Islam dianggap mengikat kepada setiap institusi perbankan Islam hatta terhadap keputusan Hakim Mahkamah Tinggi[13].

Pada 1 Oktober 1999, kerajaan Malaysia telah menubuhkan bank Islam kedua iaitu Bank Muamalat Malaysia Berhad. Bank ini ditubuhkan hasil penggabungan antara Bank Bumiputera Malaysia Berhad dan Bank of Commerce (M) Berhad, di mana semua harta yang berlandaskan Syariah milik kedua-dua bank ini dipindahkan kepada Bank Muamalat.

Iltizam kerajaan Malaysia untuk terus memacu dan membangunkan sistem perbankan Islam ini turut dimanifestasikan melalui pelan jangka sederhana dan panjang sebagaimana yang terungkap di dalam Pelan Induk Sektor Kewangan 2001-2010. Antara lainnya, pelan ini menggariskan beberapa perancangan penting untuk dicapai dalam tempoh sepuluh tahun, termasuklah:

---

[12] Penggunaan perkataan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) ini telah digantikan kepada Skim Perbankan Islam (SPI).

[13] Sila rujuk Akta Bank Negara Malaysia 2009, Bahagian VII, Seksyen 51-59 yang antara lainnya memperuntukkan fasa-fasa berkaitan dengan penubuhan Majlis Penasihat Syariah, perlantikan ahli Majlis oleh DYMM Yang Dipertuan Agong, Implikasi Fatwa atau keputusan Majlis Penasihat Syariah dan lain-lain.

1. Menyasarkan agar industri perbankan Islam dan takaful mampu mencapai 20% daripada pasaran perbankan dan insurans secara keseluruhannya;
2. Mengaspirasikan agar industri perbankan Islam dan takaful dapat memberi sumbangan berkesan kepada sektor kewangan ekonomi negara;
3. Memastikan industri perbankan Islam dan takaful ini dilandaskan kepada rangka kerja Syariah dan pengawalseliaan yang sesuai dan komprehensif;
4. Memastikan industri perbankan Islam dan takaful disokong oleh institusi khusus (mahkamah perdagangan Syariah) dalam sistem kehakiman untuk menyelesaikan isu-isu perundangan berhubung dengan perbankan Islam dan Takaful;
5. Memastikan sumber daya manusia yang mendukung industri perbankan Islam dan takaful mencukupi dan mempunyai kepakaran dan kemahiran yang seiring dengan keperluan industri.
6. Melakarkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam serantau.

Pada akhir 2010, sistem perbankan Islam di Malaysia mempunyai 17 bank Islam yang beroperasi sepenuhnya berasaskan Syariah, 10 institusi perbankan konvensional yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam melalui tingkap (Islamic window), 4 institusi perbankan Islam antarabangsa, 6 institusi perbankan Islam pesisir dan 5 institusi perbankan konvensional yang menawarkan perkhidmatan perbankan Islam pesisir di Labuan. Jadual 1 menunjukkan peningkatan ketara jumlah aset, pembiayaan dan deposit sektor perbankan Islam berbanding jumlah keseluruhan sistem perbankan dalam negara semenjak 2006 hingga 2010.

Jadual 1: Peningkatan Aset, Deposit dan Pembiayaan Perbankan Islam

	Tarikh berasaskan penghujung tahun				
	2006	2007	2008	2009	2010
Sistem Perbankan Islam	**RM dalam Juta**				
Jumlah Aset	170,542.0	203,835.1	250,981.9	303,262.1	350,802.2
% daripada jumlah keseluruhan aset sistem perbankan	14.4	15.5	17.4	19.6	20.8
Jumlah Pembiayaan	102,955.0	121,988.9	150,499.0	186,864.3	222,282.0
% daripada jumlah keseluruhan pembiayaan sistem perbankan	16.0	17.3	18.9	21.6	22.7
Jumlah Deposit	126,555.7	154,763.0	194,385.5	235,938.1	277,549.7

% daripada jumlah keseluruhan deposit sistem perbankan	14.7	16.8	18.8	20.7	22.6

Sumber: Bank Negara Malaysia

Berasaskan Jadual 1 di atas, sasaran 20% bagi jumlah aset, pembiayaan dan deposit perbankan Islam daripada jumlah keseluruhan sistem perbankan negara sebagaimana yang digagaskan di dalam Pelan Induk Sektor Kewangan 10 tahun iaitu dari tempoh 2001 sehingga 2010 telah pada dasarnya berjaya dicapai. Jumlah aset perbankan Islam telah mencecah sebanyak 20.8% berbanding 14.4% pada 2006, iaitu peningkatan sebanyak 6.4% dengan jumlah aset yang terkumpul sebanyak RM350,802 juta. Jumlah pembiayaan pula meningkat kepada 22.7% dengan jumlah pembiayaan institusi perbankan Islam keseluruhannya mencatatkan RM222,282 juta. Manakala jumlah deposit perbankan Islam turut melepasi sasaran 20% iaitu mencecah 22.6% pada tahun 2010 dengan jumlah keseluruhan deposit perbankan Islam sebanyak RM277,550 juta.

Melihat kepada angka-angka yang dipaparkan melalui statistik di atas kita mungkin berasa bangga dengan pencapaian industri perbankan Islam negara yang menampakkan perkembangan yang positif semenjak ia mula diperkenalkan hampir 27 tahun lalu. Walau bagaimanapun, jika dinilai secara objektif, peratusan 20% yang disasarkan itu pada hakikatnya tidak menggambarkan peratusan umat Islam di Malaysia yang mewakili lebih 60% daripada jumlah penduduk Malaysia. Malah peratusan yang dicapai kini juga masih belum membolehkan kita berhujah dengan kepastian mengatakan bahawa sistem perbankan Islam ini dibangunkan kerana memenuhi tuntutan keimanan dan ketakwaan majoriti rakyat Malaysia yang inginkan sistem alternatif berpandukan hukum Allah. Ini kerana masih ramai umat Islam di Malaysia kini yang masih belum bermuamalah secara Islam khususnya dalam konteks urus niaga perbankan.

Menginsafi hakikat inilah Bank Negara Malaysia memperuntukkan sejumlah RM500 juta untuk menubuhkan sebuah universiti khusus untuk membangunkan sumber daya yang berkualiti demi mengembangkan lagi industri perbankan dan kewangan Islam. Universiti yang dikenali sebagai International Centre for Islamic Finance Education (INCEIF) ditubuhkan pada tahun 2006 menawarkan tiga kursus utama iaitu Certified Islamic Finance Profesional, Sarjana Kewangan Islam dan PhD Kewangan Islam. Di samping itu juga, peruntukan sebanyak RM200 juta juga

disalurkan untuk menubuhkan pusat penyelidikan Syariah bertaraf antarabangsa yang dikenali sebagai Internatonal Shariah Research Academy for Islamic Finance (ISRA) yang berperanan menjalankan kerja-kerja penyelidikan bagi memastikan seluruh komponen kewangan Islam termasuk sektor perbankan benar-benar menepati prinsip Syariah.

Bahagian seterusnya akan membincangkan potensi sistem perbankan Islam dalam melakukan transformasi kepada sistem kewangan sedia ada sekali gus memacu perubahan lanskap kewangan dunia. Sebelum itu kita harus terlebih dahulu memahami secara ringkas punca-punca krisis kewangan yang melanda dunia ketika ini.

KRISIS MENYERLAHKAN KEKUATAN SISTEM BERPAKSI SYARIAH

Krisis kewangan global yang bermula dengan krisis hutang sub-prima di Amerika Syarikat yang diparahkan lagi dengan pelbagai inovasi instrumen-instrumen kewangan berasaskan derivatif seperti Collateralised Mortgage Obligations (CMO), Collateralised Debt Obligations (CDO) dan Credit Default Swap (CDS) telah mendedahkan kepincangan dan kebobrokan struktur kewangan antarabangsa. Setelah apa yang berlaku, ramai pakar-pakar ekonomi dan kewangan antarabangsa mulai sangsi terhadap struktur kewangan dunia yang berteraskan riba ini. Pada masa yang sama mereka mulai mengkaji bagaimanakah untuk membangunkan sistem alternatif yang lebih ampuh dan stabil.

Apa yang pasti sistem ekonomi yang berpaksikan riba tidak akan pernah stabil lantaran tiada keberkatan daripada Allah SWT sebagaimana firmanNya:

يَمْحَقُ اللَّهُ الرِّبَا وَيُرْبِي الصَّدَقَاتِ وَاللَّهُ لَا يُحِبُّ كُلَّ كَفَّارٍ أَثِيمٍ

“Allah susutkan (kebaikan harta yang dijalankan dengan mengambil) riba dan Dia pula mengembangkan (berkat harta yang dikeluarkan) sedekah-sedekah dan zakatnya. Dan Allah tidak suka kepada tiap-tiap orang yang kekal terus dalam kekufuran dan selalu melakukan dosa.”[14]

[14] Al-Baqarah; 2:276

Yang jelas sistem kewangan yang dipandu oleh Syariah lebih diberkati Allah. Mengikut laporan yang dikeluarkan oleh tiga badan antarabangsa iaitu Islamic Financial Services Board (IFSB), Islamic Research and Training Institute (IRTI) dan Bank Pembangunan Islam (IDB) pada April 2010, sektor kewangan Islam secara umumnya dilihat lebih stabil dan kental menghadapi krisis kewangan global[15]. Bukan itu sahaja, perbandingan yang dijalankan di antara 10 buah bank Islam terbesar dengan 10 buah bank konvensional terbesar, didapati bahawa peningkatan dari segi aset, ekuiti dan keuntungan bersih jelas menyebelahi institusi perbankan Islam. Malah modal pasaran secara gabungan antara 10 bank terbesar (combined market capitalisation) konvensional merosot teruk sehingga 42.8% berbanding bank-bank Islam yang hanya mengalami kejatuhan sebanyak 8.5%.

Jadual 2: Kajian Perbandingan Pencapaian Di antara 10 Bank Terbesar Konvensional dengan 10 Bank Terbesar Islamik

Di antara Dis 2006- Mei 2009	Konvensional	Islamik
Modal Pasaran secara Gabungan (Combined Market Capitalisation)	42.8% ↓	8.5% ↓
Keuntungan Bersih	Jatuh daripada USD116 billion kepada USD42 billion	Meningkat sebanyak 9% daripada USD4.2billion kepada USD4.6 billion
Jumlah Peningkatan Aset	36% (USD17.4 trillion)	55% (USD147 billion)
Jumlah Penngkatan Ekuiti	24%	36%
Nisbah Leverage (Aset/Ekuiti)	Daripada 16.6x kepada 18.2x	Daripada 5.8x kepada 6.6x

Sumber: IFSB-IRTI-IDB Islamic Finance and Global Financial Stability Report, 2010.

Krisis kewangan ini juga menyaksikan beberapa buah bank yang bersaiz mega seperti Northern Rock, Bear Stearns, IndyMac Bank dan Washinton Mutual di Amerika Syarikat terpaksa ditutup, manakala 5 buah bank lain terpaksa mendapat suntikan dana daripada kerajaan berjumlah USD163 billion atau 26% modal ekuiti secara gabungan. Ini telah mencetuskan kontroversi hangat di Amerika Syarikat lantaran menggunakan wang cukai rakyat untuk menolong bank yang hakikatnya jatuh lantaran disulami sikap ketamakan dan kerakusan dalam mengaut

[15] IFSB-IRTI-IDB Islamic Finance and Global Financial Stability Report, 2010. Dimuat turun daripada http://www.ifsb.org/docs/IFSB-IRTI-IDB2010.pdf

keuntungan semaksima mungkin hingga melakukan pelbagai bentuk penyimpangan atas nama inovasi kewangan. Apa yang pasti pada kemuncak krisis tahun 2009, tidak ada satu bank Islampun yang terpaksa dibantu kerajaan dengan pelbagai bentuk 'bail-out' sebagaimana bank-bank konvensional.[16]

Persoalan yang paling mendasar melingkari pemikiran ramai ialah apakah faktor-faktor yang menyebabkan institusi-institusi perbankan Islam lebih ampuh dan stabil berbanding dengan institusi-institusi perbankan konvensional dalam berhadapan dengan krisis kewangan global.

Berikut dijelaskan ciri-ciri utama sistem perbankan berasaskan Syariah yang menjadikannya kuat dan stabil.

1. Syariah Menjadikan Institusi Perbankan Lebih Beretika

   Syariah merupakan faktor terpenting yang mendasari institusi perbankan Islam hingga menjadi benteng yang ampuh mengelakkannya daripada turut terjerumus dalam krisis kewangan global. Ini kerana prinsip-prinsip Syariah yang menjadi asas urus niaga dan operasi perbankan Islam secara jelas menghalang institusi kewangan Islam daripada turut terlibat dalam instrumen-instrumen jual beli hutang sub-prima dalam bentuk produk derivatif seperti CMO, CDO dan CDS.

   Instrumen-instrumen ini mengandungi unsur-unsur riba, maisir (perjudian) dan gharar (ketidak-pastian) yang menyebabkan struktur asas kontrak yang membentuk produk-produk tersebut menjadi tidak sah. Selain daripada itu instrumen-instrumen konvensional yang direka-cipta untuk memenuhi gelodak nafsu kapitalis Barat pada hakikatnya berteraskan aktiviti yang menurut perspektif Syarak adalah tidak beretika. Sebagai contoh, memaksakan pemberian hutang pada mereka yang tidak berkelayakan (pelanggan berstatus sub-prima) adalah satu bentuk eksploitasi yang diharamkan Syarak. Bank-bank di Barat pada satu ketika begitu gelojoh dan tamak untuk mengaut keuntungan daripada aktiviti hutang berasaskan riba sehinggakan disiplin kredit yang menjadi piagam operasi

[16] Ibid.

bank selama ini dipinggirkan. Kerakusan bank-bank memberikan pinjaman kepada mereka yang tidak berkelayakan turut didorong oleh inovasi dan kreativiti para kapitalis yang tamak dengan menghasilkan pelbagai bentuk produk berasaskan derivatif sehingga mampu menjual pula hutang-hutang ini (dalam bentuk CDOs) kepada para pelabur di pasaran kewangan global. Pelabur-pelabur yang terdiri daripada institusi-institusi kewangan, perbankan dan juga pengurus-pengurus dana berskala besar seperti dana pencen turut dikaburi pemikiran rasional mereka dek kerakusan nafsu untuk mengaut keuntungan lebih besar dengan melabur ke dalam instumen-instrumen berteraskan hutang. Akhirnya apabila buih-buih ini pecah, masyarakat mengalami kerugian besar lantaran asas pelaburan tersebut yang amat berisiko dan tidak beretika.

Sebaliknya institusi-institusi perbankan Islam yang dikawal-selia oleh prinsip Syarak sejak daripada awal tidak boleh terjebak dalam aktiviti pelaburan seperti itu apa lagi untuk menstrukturkan produk yang jelas tidak beretika dan penuh dengan unsur-unsur penindasan dan eksploitasi.

2. Sistem Perbankan Berasaskan Ekonomi Sebenar

   Sistem Perbankan Islam pada asasnya amat terkait dengan aktiviti ekonomi sebenar. Berbanding dengan perbankan konvensional yang mengaut keuntungan daripada aktiviti hutang yang sebenarnya tidak produktif kerana tidak terkait secara langsung dengan penambahan nilai produk dan perkhidmatan dalam ekonomi.

   Sebaliknya produk-produk perbankan Islam sama ada dalam bentuk kontrak-kontrak *musharakah*, *mu'awadat* atau *tabarru'at* semuanya didasari dan terkait dengan aset sebagai pendasar mahupun aktiviti ekonomi sebenar. Umpamanya dalam akad jual beli, antara syarat terpenting ialah barangan yang hendak dijual mesti dimiliki terlebih dahulu kerana terdapat larangan menjual sesuatu yang tidak dimiliki. Ini menunjukkan bahawa pemilikan harta adalah objektif penting dalam transaksi kewangan Islam kerana jika transaksi kewangan berlaku dengan adil samada dalam bentuk *musharakah*, *mu'awadat*

atau *tabarru'at*, ia akan membawa kepada pemilikan aset dan ekuiti untuk pihak-pihak yang terlibat.

Dengan adanya aset pendasar dalam setiap urus niaga perbankan Islam, aktiviti hutang yang berteraskan konsep 'making money out of money' dapat dikekang. Ini sudah pastilah mampu menjadikan sistem ekonomi sesebuah negara menjadi lebih kuat dan stabil lantaran tidak lagi tergantung kepada aktiviti ekonomi yang didominasi oleh hutang berteraskan riba. Ini juga akan mengurangkan aktiviti leverage secara melampau hingga menjadikan sistem kewangan begitu rapuh bagaikan buih-buih yang menanti masa untuk pecah sebagaimana yang sudah terjadi dan dialami oleh gergasi-gergasi ekonomi dunia.

3. Urus-Tadbir Yang Telus

Krisis kewangan yang melanda baru-baru ini juga turut berpunca daripada urus-tadbir korporat yang lemah. Ini ditambah pula dengan polisi de-regulisasi pasaran (market deregulation) yang membiarkan pasaran kewangan bergerak bebas tanpa perlu kawal-selia dan pemantauan yang ketat seperti sebelumnya. Ini merangsang institusi-institusi kewangan dan perbankan yang pada hakikatnya bertuhankan doktrin kapitalisme bermaharajalela untuk memaksimakan keuntungan sehingga tidak lagi berpandukan kepada asas-asas fundamental dalam amalan perbankan seperti berdisiplin dalam pemberian kredit kepada pelanggan dan juga pengurusan risiko yang ketat dan efektif.

Sebaliknya sistem perbankan Islam yang berteraskan Syariah secara prinsipnya dikehendaki untuk beroperasi secara telus dan berdisiplin. Ini kerana aspek pematuhan Syariah bukan sahaja dititik-beratkan di peringkat penstrukturan produk malah segala aktiviti dan operasi perbankan harus terus dipantau agar tidak menyanggahi prinsip Syarak. Syariah memperuntukkan agar setiap kontrak harus bebas daripada sebarang unsur penindasan dan eksploitasi sama ada disebabkan wujud elemen riba, gharar mahupun maisir. Ini secara tidak langsung mendisiplinkan perbankan Islam agar tidak terjebak dalam aktiviti yang mampu memudaratkan masyarakat secara keseluruhannya. Selain daripada itu, keunikan perbankan Islam juga terletak kepada kepelbagaian kontrak

yang diguna-pakai dalam penstukturan produk-produk perbankan. Setiap kontrak ini mempunyai ciri-ciri dan syarat-syarat tertentu sebagaimana yang digariskan Syariah. Kontrak-kontrak ini juga mempunyai risiko yang unik dan ada kalanya berbeza daripada kontrak pinjaman yang menjadi asas penstrukturan produk perbankan konvensional. Sebagai contoh, kontrak musyarakah memerlukan bank meneliti secara cermat dan terperinci aktiviti perniagaan pelanggan lantaran ia berasaskan prinsip perkongsian untung rugi. Justeru bank Islam secara tidak langsung terpaksa lebih berdisiplin dalam pengurusan risikonya kerana risiko yang dihadapi adalah unik dan berbeza daripada risiko kredit yang biasa diuruskan oleh bank konvensional.

MAQASID AL-SYARIAH PAKSI PERBANKAN ISLAM

Selain daripada ciri-ciri utama perbankan Islam yang dibincangkan, sebagai sebuah institusi yang berteraskan Syariah, Perbankan Islam pada hakikatnya dituntut untuk memenuhi aspirasi sebenar Syarak sebagaimana yang digariskan dalam konteks Maqasid al-Syariah. Secara umumnya ulamak hampir sepakat mengatakan maqasid sebagai "جَلْبَ الْمَنْفَعَةِ وَدَفْعَ الْمَضَرَّةِ" yang bemaksud mengadakan manfaat dan mengelak kemudaratan[17].

Imam al-Ghazali menakrifkan *maqasid* dengan memberi penegasan kepada aspek Syarak yang memberi perhatian terhadap pemeliharan lima objektif asas sebagaimana yang disebutkan:

"مقْصودُ الشرْعِ مِنَ الخَلْقِ خَمْسَةٌ، وهو أنْ يَحْفَظَ علَيْهِمْ دِينهُمْ ونَفْسَهُمْ وعَقْلَهُمْ ونَسْلَهُمْ ومَالَهُمْ، فَكُلَّما يَتَضَمَنُ حِفظَ هذِه الأصولِ الخمسِ فهُو مصلحةٌ، وكلُ ما يُفَوِّتُ هذِه الأصولَ فهو مَفسَدةٌ، ودفْعُها مَصلحةٌ"

"Maksud Syarak adalah untuk memelihara lima perkara yang menyentuh aspek pemeliharaan agama mereka, kehidupan mereka, akal pemikiran mereka, zuriat keturunan mereka dan harta mereka. Apa sahaja yang dapat memastikan penjagaan lima perkara asas ini adalah dianggap

[17] Abū Ḥamīd al-Ghazzālī (t.t), *al-Mustaṣfā fī 'Ilm al-Uṣūl*, j. 1. Beirut: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabī, h. 216

maslahah dan manakala sesuatu yang merosakkan lima perkara asas ini dianggap mafsadah, dan apa jua bentuk tindakan untuk menghindarinya merupakan maslahah yang dituntut."[18]

Imam al-Shatibi pula mendefinisikan *maqasid al-shariah* dengan melihat dimensi epistemologi (*'aqidah*). Menurut beliau:

"المقْصِدُ الشرْعِيُّ مِنْ وَضْعِ الشَرِيعَةِ إخْرَاجُ المُكَلَّفِ مِنْ دَاعِيَةِ هَوَاهُ حتَى يكونَ عبدًا لله اختيارًا كما هو عبدٌ لله اضطِرارًا".

"Matlamat utama Syarak ialah untuk mengeluarkan manusia mukallaf daripada hasutan hawa nafsunya supaya dia menjadi hamba Allah berasaskan pilihan sebagaimana dia menjadi hamba Allah tanpa sebarang pilihan"[19]

Ibnu 'Ashur pula mendefinisikan *Maqasid* daripada perspektif yang lebih luas sebagaimana kenyataan beliau:

"المَقْصِدُ العامُ مِنَ التشريع هو حِفْظُ نِظَامِ الأُمَّةِ واسْتِدَامَةُ صلاحِهِ بصَلاحِ المُهَيْمِن علَيْهِ، وهُوَ نَوْعُ الإنْسَان. ويَشْمَلُ صلاَحُهُ صلاحَ عقلِهِ وصلاحَ عمَلِهِ وصلاحَ ما بَيْنَ يَدَيهِ منْ مَوجُوداتِ العالَمِ الذِي يَعِيْشُ فيهِ"

"Matlamat umum (maqsad 'amm) hukum Islam ialah untuk memelihara kerukunan umat dan untuk memastikannya membangun secara sihat dengan menjana kesejahteraan hidup (salah) manusia. Kesejahteraan dan kebaikan hidup manusia termasuklah kesejahteraan akal fikirannya, kesejahteraan perilakunya dan kesejahteraan segala aspek duniawi di mana dia hidup dan dipertanggungjawabkan"[20]

Matlamat utama Syariah ini berpandukan kepada konsep rahmat dan petunjuk, sebagaimana firman Allah:

وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِلْعَالَمِينَ

---

[18] Abu Hamid al-Ghazālī, *al-Mustasfā min 'ilm al-usul* (Cairo: al- Maktabah al-Tijariyyah, 1973), 1: 139-40; see also Abu Ishaq Ibrahim b. Musa al-Shātibī, *al-Muwafaqat fi usul al-shari'ah*, ed. 'Abthd-Allah Darraz, 4 vols (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1975, 2nd ed.), 1:38 and 3:46-47).

[19] Imran Ahsan Khan Nyazee, *Theories of the Islamic Law: The Methodology of Ijtihad*, (Kuala Lumpur: The Other Press, 2002), 235.

[20] Muhammad Tahir Ibn Ashur, Treatise *on Maqasid al-Shari`ah*, tr and annot. Muhammad El-Tahir Al-Misawi. (London and Washington: International Institute of Islamic Thought, 2006), 87.

“Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.”[21]

يَا أَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَتْكُمْ مَوْعِظَةٌ مِنْ رَبِّكُمْ وَشِفَاءٌ لِمَا فِي الصُّدُورِ وَهُدًى وَرَحْمَةٌ لِلْمُؤْمِنِينَ

“Wahai umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu Al-Quran yang menjadi nasihat pengajaran dari Tuhan kamu dan yang menjadi penawar bagi penyakit-penyakit batin yang ada di dalam dada kamu dan juga menjadi hidayat petunjuk untuk keselamatan, serta membawa rahmat bagi orang-orang yang beriman”[22].

Kedua-dua matlamat ini tidak lain dan tidak bukan hanyalah untuk memastikan keadilan terpelihara, persengketaan dapat dihapuskan, kepayahan dan kesengsaraan dapat dilenyapkan. ‘Allal al-Fassi (d.1974) turut menegaskan elemen-elemen ini dalam definisinya:

المَقْصِدُ العامُّ للشريعةِ الإسلاميةِ هوَ عِمَارةُ الأرض، وحِفْظُ نِظَامِ التَعَايُشِ فِيهَا، واسْتِمْرَارِ صلاَحِها بِصَلاحِ المُستَخْلَفِينَ فِيها، وقِيامِهِم بمَا كُلِفُوا به مِن عدلٍ واستِقامةٍ، ومن صَلاحٍ في العقلِ وفي العَمَلَ، وإصْلاحٍ في الأرضِ واستِنْبَاطٍ لخَيْرَاتِهَا وتدْبِيرِ منافِعِ الجمِيعِ

“Maksud keseluruhan Hukum Islam ialah untuk mengimarahkan bumi dan menjaga kerukunan hidup setiap warga di dalamnya dan memastikan kesejahteraan bumi berterusan di bawah penjagaan mereka yang diamanahkan sebagai khalifah Allahl yang tinggi dan, dan memastikan mereka sentiasa berlaku adil dan berteraskan ketinggian akhlak baik dari segi pemikiran dan tindakan mereka, dan mereka sentiasa melakukan pembaikan di atas muka bumi dan memanfaatkan segala hasil bumi yang dikeluarkan untuk semua”[23]

Dengan memahami *maqasid al-Syariah* ini dengan jelas, maka segala tujuan (*ghayah*) Syarak dalam bentuk hikmah-hikmah, makna-makna dan rahsia-rahsia yang dikehendaki oleh Syarak bagi setiap hukum yang disyariatkan dalam kelima-lima aspek kehidupan manusia iaitu agama, nyawa, maruah, akal dan harta mampu direalisasikan. Malah apa sahaja yang membawa kepada tercapainya hikmah-hikmah dan rahsia-rahsia tadi adalah *maslahah*. *Maqasid al-Syariah* juga

[21] Al-Ambiya’ 21:107
[22] Yunus 10:57
[23] A. Al-Raysuni, *Imam Al-Shatibi’s Theory of the Higher Objectives and Intents of Islamic Law* (London and Washington: International Institute of Islamic Thought, 2005).

boleh difahami secara ringkas sebagai "تحقيق مصالح العباد بالإيجاد لها أولا, ثم بحفظها ثانيا" iaitu merealisasikan *maslahah-maslahah* para mukalaf dengan dua cara; pertamanya ialah mewujudkan *maslahah* tersebut dan keduanya ialah memeliharanya.[24]

Perbincangan mengenai *Maqasid* ini amat penting terutamanya dalam konteks membangunkan sistem perbankan Islam yang berdaya maju, berdaya saing dan pada masa yang sama tidak berkompromi dalam soal-soal pematuhan terhadap segala aspirasi dan prinsip Syarak. Ini menuntut sistem perbankan Islam memastikan setiap produk yang distrukturkan dan operasi yang dijalankan memenuhi aspirasi sebenar Syarak. Ini juga bagi memastikan sistem perbankan Islam menjadi alternatif utama kepada sistem konvensional sedia ada sekali gus mampu mengelakkan umat Islam seluruhnya daripada terus dizalimi oleh sistem kapitalis dan konvensional yang berasaskan riba.

Seterusnya, perbankan Islam juga bertindak sebagai mekanisme pemeliharaan salah satu aspek *daruri* dalam kehidupan manusia iaitu harta (*al-maal*) kerana kesemua aktiviti perbankan Islam hakikatnya melibatkan pengurusan *al-maal* secara Islam. Perbankan Islam juga seharusnya memenuhi tuntutan asas maqasid al-shariah kerana aktiviti dan produk perbankan Islam secara prinsipnya sentiasa seiring dengan perintah dan larangan Allah yang bertujuan memelihara aspek *daruri* dalam kehidupan manusia samada perintah dan larangan itu disukai atau tidak dan samada secara pilihan atau paksaan.

Dalam konteks pemeliharaan harta inilah, perbankan Islam menerusi produk dan perkhidmatan yang ditawarkan memainkan peranan penting untuk memastikan *al-maal* boleh berlegar di kalangan semua lapisan masyarakat dan tidak tertumpu kepada golongan tertentu sahaja. Ini disebut sebagai *Al-Rawaj* yang bermaksud harta mesti berlegar di kalangan seramai mungkin individu dengan cara yang betul[25]. Konsep *Al-Rawaj* ini disebut dalam Al-Quran:

---

[24] 'Abd al-Karīm Zaydān (1996), *al-Wajīz fī Uṣūl al-Fiqh*, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 379
[25] Ibn 'Āshūr (1999), *Maqāṣid al-Shar'īah al-Islāmiyyah*, 'Ammān: Dār al-Nafāi's, h. 342

مَا أَفَاءَ اللَّهُ عَلَى رَسُولِهِ مِنْ أَهْلِ الْقُرَى فَلِلَّهِ وَلِلرَّسُولِ وَلِذِي الْقُرْبَى وَالْيَتَامَى وَالْمَسَاكِينِ وَابْنِ السَّبِيلِ كَيْ لَا يَكُونَ دُولَةً بَيْنَ الْأَغْنِيَاءِ مِنْكُمْ وَمَا آتَاكُمُ الرَّسُولُ فَخُذُوهُ وَمَا نَهَاكُمْ عَنْهُ فَانْتَهُوا وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

"Apa yang Allah kurniakan kepada RasulNya (Muhammad) dari harta penduduk negeri, bandar atau desa dengan tidak berperang, maka adalah ia tertentu bagi Allah, dan bagi Rasulullah, dan bagi kaum kerabat (Rasulullah), dan anak-anak yatim, dan orang-orang miskin, serta orang-orang musafir (yang keputusan). (Ketetapan yang demikian) supaya harta itu tidak hanya beredar di antara orang-orang kaya dari kalangan kamu."[26]

Ayat di atas menunjukkan kepentingan *al-Rawaj* dan pergerakan harta dalam perniagaan sehingga Allah memberikan rukhsah meninggalkan tawthiq sekalipun ia digalakkan. Rukhsah ini bertujuan merealisasikan *maqsad al-Rawaj* dan *al-tadawul* ini. Justeru, produk-produk kewangan dan perbankan Islam seharusnya mampu menyumbang kepada peredaran harta di kalangan semua individu dengan adil khususnya pihak-pihak yang terlibat secara langsung dengan perbankan Islam seperti pelanggan, pendeposit, pelabur, penasihat Syariah, pengamal undang-undang dan institusi-intitusi kewangan Islam sendiri.

Atas faktor ini jugalah Rasulullah SAW mengharamkan ihtikar atau monopoli dengan tujuan untuk menaikkan harga di pasaran, sebagaimana hadis:

"مَن احْتكر حكرةً يريدُ أنْ يُغَالِي بهَا على المسلمين فهو خاطِئٌ".

"Sesiapa yang memonopoli sesuatu komoditi dengan niat untuk mengenakan harga yang tinggi kepada orang Islam, dia adalah bersalah"[27]

Selain daripada itu Shariah memperuntukkan beberapa pendekatan untuk memastikan peredaran harta berlaku bukan hanya dikalangan kelompok tertentu sahaja termasuklah pengenalan prinsip *zakah*, *zakat al-fitr*, *kaffarah*, *waqf, hibah, hadiyyah, wasiyyah* dan sebagainya. Syariah juga mengharamkan sebarang bentuk manipulasi dan eksploitasi harta dengan cara yang batil sebagaimana yang menjadi sebahagian budaya kapitalis. Ini turut dipertegaskan Allah:

[26] Al-Hasyr; 59:7
[27] Musnad Ahmad, 2:351. No, 8602.

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَاطِلِ

"Dan janganlah kamu memakan harta orang lain dengan cara yang batil"[28]

Bagi menjamin peredaran harta kepada seramai mungkin masyarakat hatta kepada yang kurang berkemampuan, Syariah turut memberi kelonggaran dalam pertimbangan antara maslahah yang lebih besar dan mafsadah yang kecil. Sebagai contoh Shariah tetap memperakui keabsahan kontrak jual beli walaupun salah satu daripada `iwadain tak mampu bertukar pada masa sama, seperti jual-beli barang pada harga tangguh. Barang tersebut telah bertukar tangan namun harga barang tersebut dipersetujui kedua-belah pihak untuk diselesaikan secara tangguhan atau ansuran.

Harta juga mesti dikembangkan melalui instrumen yang boleh mendatangkan pulangan dan keuntungan yang baik terutamanya kepada pihak institusi perbankan Islam selaku entiti komersil tanpa sebarang bentuk penindasan dan eksploitasi ke atas pihak-pihak lain. Istilah *istithmār* bukanlah asing dalam fiqh Islam sebaliknya para sarjana silam menggunakan lafaz lain yang menunjukkan maksud yang sama[29] seperti *al-istinma,*[30] *al-tanmiyyah*[31] dan *al-nama'*[32]. Terdapat banyak ayat al-Quran dan hadis yang menunjukkan maksud di atas seperti ayat-ayat dan hadis-hadis yang menganjurkan orang Islam bertebaran di muka bumi untuk mencari rezeki dengan bersungguh-sungguh seperti berikut:

وَآخَرُونَ يَضْرِبُونَ فِي الْأَرْضِ يَبْتَغُونَ مِنْ فَضْلِ اللَّهِ

"Dan yang lainnya orang-orang yang musafir di muka bumi untuk mencari rezeki dari limpah kurnia Allah"[33]

Hadis riwayat Anas b. Mālik:

---

[28] Al-Baqarah; 2:188
[29] Muhammad Ibrahim Naqāshī (2006),*op.cit.*, j. 2, h. 65
[30] Al-Kāsānī (2000), *Badā'i al-Sanā'i fī Tartīb al-Sharā'i*, j. 6. Beirūt: Dār al-Ma'rifah, h. 139
[31] Al-Dasūqī (2003), *Ḥāshiah al-Dasūqī 'alā al-Sharḥ al-Kabīr*, j. 5. Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 296
[32] Al-Khaṭīb al-Sharbīnī (2006), *Mughnī al-Muḥtāj i'lā M'arifah Ma'ānī Alfāẓ al-Minhāj*, j. 1. Beirūt: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 510
[33] Al-Muzammil; 73:20

حَدَّثَنَا هِشَامُ بْنُ زَيْدٍ قَالَ سَمِعْتُ أَنَسَ بْنَ مَالِكٍ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِنْ قَامَتْ السَّاعَةُ وَبِيَدِ أَحَدِكُمْ فَسِيلَةٌ فَإِنْ اسْتَطَاعَ أَنْ لا يَقُومَ حَتَّى يَغْرِسَهَا فَلْيَفْعَلْ[34]

"Hishām b. Zayd berkata: Aku mendengar Anas b. Mālik berkata: Rasulullah S.A.W. bersabda: Sekiranya Kiamat telah berlaku sedangkan tangan salah seorang daripada kamu memegang anak pokok, maka jika dia boleh menanamnya sebelum bangun, hendaklah dia melakukannya"

Objektif *al-istithmar* boleh juga dicapai dengan terhasilnya keuntungan dan pertambahan ke atas nilai modal yang dilaburkan. Justeru itu, keuntungan merupakan tanda aras keberkesanan pelaburan yang dijalankan oleh bank. Untuk mencapai objektif ini perbankan Islam juga harus menjadikan keuntungan sebagai salah satu objektif yang bersifat *juz'i*. Namun begitu, usaha merealisasikan maqsad ini tidaklah sampai ke tahap yang boleh menggugat maqsad yang lain. Sebagai contoh, kadar keuntungan yang dikenakan oleh institusi perbankan Islam dalam produk-produk pembiayaannya hendaklah tidak terlalu tinggi sehingga mengandungi unsur penindasan yang menyebabkan pelanggan lebih cenderung kepada perbankan konvensional. Jika keadaan ini berlaku, perbankan konvensional kemungkinan menjadi pilihan orang ramai. Kesannya ialah *maqsad* bagi perbankan Islam seperti *al-Rawaj* tidak boleh dicapai lantaran institusi perbankan Islam tidak boleh menjalankan aktiviti pelaburan sedangkan aktiviti pelaburan ini penting sebagai satu instrumen yang boleh menyebabkan harta berlegar di kalangan seluruh masyarakat.

Maqasid al-Syariah juga menuntut perbankan Islam agar sentiasa mengambil kira harga pasaran dalam penentuan harga.

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْتَعْمَلَ رَجُلًا عَلَى خَيْبَرَ، فَجَاءَهُ بِتَمْرٍ جَنِيبٍ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «أَكُلُّ تَمْرِ خَيْبَرَ هَكَذَا؟» ، قَالَ: لاَ وَاللَّهِ يَا رَسُولَ اللَّهِ إِنَّا لَنَأْخُذُ الصَّاعَ مِنْ هَذَا بِالصَّاعَيْنِ، وَالصَّاعَيْنِ بِالثَّلاَثَةِ، فَقَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: «لاَ تَفْعَلْ، بِعْ الجَمْعَ بِالدَّرَاهِمِ، ثُمَّ ابْتَعْ بِالدَّرَاهِمِ جَنِيبًا

"Rasulullah SAW melantik seorang pemuda sebagai gabenor ke Khaibar. Maka telah datang pemuda itu dengan tamar yang baik (janib). Maka bersabda Rasulullah SAW: "Apakah semua tamar di Khaibar seperti ini?" Pemuda itu menjawab: "Tidak, demi Allah Ya Rasulullah,

[34] Ahmad b. Ḥambal (1995), *al-Musnad*, Bāqī Musnad al-Mukthirīn, Musnad Anas b. Mālik, no. hadis 12916, j. 11. Al-Qāhirah: Dār al-Ḥadīth, h. 55

Sesungguhnya telah kami tukar segantang tamar yang baik ini (janib) dengan dua gantang tamar kami, dan dua gantang dengan tiga gantang milik kami". Maka sabda Rasulullah SAW: "Jangan lakukannya (kerana ia merupakan riba), sebaliknya jual tamar kalian (kurang berkualiti) dengan mendapatkan wang, selepas itu guna wang itu untuk membeli tamar yang baik tadi (janib)." [35]

Hadis ini secara tidak langsung memberi indikasi penting akan keperluan untuk membiarkan pasaran menentukan harga atau nilai sebenar tamar tersebut. Ini bagi memastikan harga setiap komoditi yang dijual bebas daripada sebarang unsur manipulasi dan penipuan.

Hadis Abu Hurairah r.a. turut menukilkan sabda Nabi S.A.W yang memberi penegasan agar penentuan harga dilakukan secara adil dan bebas daripada sebarang unsur-unsur penipuan dan manipulasi:

لاَ تَلَقَّوُا الرُّكْبَانَ، وَلاَ يَبِعْ بَعْضُكُمْ عَلَى بَيْعِ بَعْضٍ، وَلاَ تَنَاجَشُوا، وَلاَ يَبِعْ حَاضِرٌ لِبَادٍ، وَلاَ تُصَرُّوا الغَنَمَ، وَمَنِ ابْتَاعَهَا فَهُوَ بِخَيْرِ النَّظَرَيْنِ بَعْدَ أَنْ يَحْتَلِبَهَا، إِنْ رَضِيَهَا أَمْسَكَهَا، وَإِنْ سَخِطَهَا رَدَّهَا وَصَاعًا مِنْ تَمْرٍ

Maksudnya: "Jangan kamu keluar menemui kafilah perniagaan (yang datang dari pedalaman, sebelum memasuki kota, untuk memborong di bawah harga pasaran), janganlah sebahagian kamu membeli di atas belian sebahagian yang lain (menawar di atas penawaran orang lain), jangan melakukan *najash* (menawarkan harga tinggi tanpa tujuan untuk membelinya), janganlah peniaga kota menjadi orang tengah bagi peniaga pedalaman dalam jualan, jangan melakukan *tasriyah* (menahan haiwan ternakan daripada mengeluarkan susu beberapa hari supaya kelihatan susunya banyak) dan sesiapa yang membeli haiwan yang telah dilakukan *tasriyah* itu, dia diberi *khiyar* antara dua pilihan selepas dia telah memerah susunya, jika dia redha dengannya dia boleh terus menerimanya, dan jika dia tidak redha, dia boleh mengembalikan haiwan tersebut serta satu *sha'* (empat cupak) tamar".[36]

Hadis di atas turut menggambarkan betapa Syariah begitu mengambil berat aspek keadilan dalam berurus niaga sehinggakan sebarang unsur yang boleh dikaitkan dengan aspek manipulasi dan

[30]Muhammad b. Isma'il al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari* (Beirut: Dar Ma'rifah, 1961), hadith no.2,089.
[36] Hadis Abu Hurairah diriwayatkan oleh Bukhari, *al-Sahih*, j. 3 hlmn. 71 (no: 2150). Dar Tauq al-Najah, dan Muslim, *al-Sahih*, j. 3 hlmn. 1155 (no: 1515). Beirut: Dar Ihya al-Turath al-Arabiy.

eksploitasi ke atas orang lain perlu dikekang. Sebab itulah Rasulullah SAW tidak membenarkan urus niaga yang berlaku secara tidak telus seperti manipulasi oleh seseorang yang mempunyai pengetahuan yang lebih tentang harga sebenar di pasaran sehingga dia sengaja mengeksploitasi kejahilan pemborong dengan mendorong mereka untuk berurus niaga di bawah harga pasaran. Demikianlah asas-asas penting muamalah Islam yang terbina di atas neraca Maqasid al-Syariah yang menjadi panduan bagi Institusi Perbankan Islam hari ini.

Selain daripada itu juga Maqasid al-Syariah menuntut semua produk, intrumen dan aktiviti perbankan Islam tidak mengandungi sebarang unsur yang boleh membawa kepada pertelingkahan, persengketaan dan kemudaratan kepada mana-mana pihak yang terlibat dalam aktiviti perbankan Islam. Kontrak-kontrak kewangan Islam tidak boleh mengandungi unsur-unsur yang menafikan keterbukaan tadi seperti unsur *gharar*, *ghabn*, *ghish*, *jahālah* dan sebagainya. Sebab itulah aspek kawal-selia dan pemantauan perbankan Islam merupakan satu elemen terpenting yang dititikberatkan bagi memastikan tidak ada unsur-unsur manipulasi dan penipuan berlaku. Isa juga sebahagian daripada tuntutan Maqasid al-Shariah. Malah Nabi SAW sendiri sentiasa melakukan pemantauan dari semasa ke semasa ke pasar sekitar Madinah bagi memastikan peniaga tidak melakukan sebarang penyelewengan. Ini digambarkan dalam sebuah Hadis riwayat Abu Hurairah r.a.:

أَنَّ رَسُولَ اللهِ صَلَّى اللهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَرَّ عَلَى صُبْرَةِ طَعَامٍ فَأَدْخَلَ يَدَهُ فِيهَا، فَنَالَتْ أَصَابِعُهُ بَلَلًا فَقَالَ: «مَا هَذَا يَا صَاحِبَ الطَّعَامِ؟» قَالَ أَصَابَتْهُ السَّمَاءُ يَا رَسُولَ اللهِ، قَالَ: «أَفَلَا جَعَلْتَهُ فَوْقَ الطَّعَامِ كَيْ يَرَاهُ النَّاسُ، مَنْ غَشَّ فَلَيْسَ مِنِّي

"Rasulullah S.A.W melalui satu longgok bijirin makanan, lalu baginda membenamkan tangannya ke dalam longgokan tersebut. Lalu jari-jari baginda tersentuh lembapan, lalu baginda bertanya, "Apakah ini wahai tuan empunya makanan?". Penjual itu berkata, "Ia ditimpa hujan, wahai Rasulullah". Baginda bersabda, "Kenapakah kamu tidak meletakkannya di atas supaya orang ramai dapat melihatnya. Sesiapa yang menipu, dia bukan dari kalanganku".[37]

[37] Hadis Abu Hurairah diriwayatkan oleh Muslim, *al-Sahih*, j. 1 hlmn. 99 (no: 102).

Ini adalah sebahagian daripada contoh-contoh bagaimana Maqasid al-Syariah yang didasari oleh prinsip keadilan memperincikan kaedah-kaedah penting sebagai panduan kepada umat manusia dalam sistem muamalah harian. Justeru sebagai sebuah sistem perbankan yang dibina di atas prinsip-prinsip Syariah dan Maqasid al-Syariah ini sudah pastilah berbeza daripada sistem konvensional. Sebagai sistem yang berteraskan Maqasid al-Syariah, sistem perbankan Islam mempunyai matlamat yang jauh lebih besar dan mulia daripada sekadar mengaut keuntungan untuk pihak-pihak tertentu semata-mata. Sebaliknya sistem perbankan Islam merupakan sistem yang mempromosikan urus niaga ekonomi dan kewangan yang lebih berakhlak dan beretika. Sistem berteraskan Maqasid al-Syariah ini juga sentiasa memperkirakan kemaslahatan dan kepentingan umat terbanyak sehinggakan apa jua bentuk urus niaga yang boleh membawa kemudaratan dan kepayahan kepada manusia akan dikekang.

Matlamat merealisasikan keadilan dan kesaksamaan sebagaimana yang digagasi Maqasid al-Syariah juga mempengaruhi operasi sistem perbankan Islam supaya sentiasa mengimbangi di antara memaksimakan keuntungan dan memaksimakan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat. Dengan kata lain, walaupun perbankan Islam tidak pernah dihalang untuk memaksimakan keuntungan, namun keuntungan ini mestilah berasaskan cara yang berakhlak dan berpaksikan kepada prinsip Syariah yang luhur. Keuntungan yang diperolehi hendaklah sentiasa dikongsi dengan umat yang terpinggir daripada arus perdana kewangan disebabkan kelemahan tabii manusiawi. Ini dapat direalisasikan melalui pelbagai bentuk amalan kebajikan dan tanggungjawab sosial seperti pengeluaran zakat, sadaqah dan sumbangan-sumbangan lain sama ada berbentuk kewangan mahupun dalam bentuk manfaat yang lain. Proses penyucian harta yang selalunya disalurkan dalam bentuk sumbangan kebajikan juga menjadikan sistem perbankan Islam sebagai suatu sistem yang sentiasa dicanai dengan nilai kemanusiaan yang tinggi. Tidak seperti sistem perbankan konvensional yang berteraskan budaya kapitalisme yang sering kali ditandai dengan amalan rakus kebinatangan untuk mengaut keuntungan semaksima mungkin walaupun terpaksa melakukan amalan-amalan urus niaga yang tercabut prinsip nilai dan akhlak. Budaya kapitalisme kebinatangan inilah yang memporak-perandakan ekonomi dunia hari ini sehingga ramai yang hidup papa-kedana. Malah sistem berteraskan kapitalisme jugalah yang melebarkan jurang antara yang kaya dengan yang miskin. Apa yang lebih menyedihkan

sebagaimana yang disaksikan daripada krisis kewangan Amerika Syarikat, golongan kaya mengaut segala keuntungan dan kekayaan dengan merompak hak golongan miskin secara halus dan tersusun atas nama inovasi kewangan. Lebih menyayat hati apabila rakyat dipaksa menolong golongan ini untuk terus hidup mewah atas nama suntikan bantuan kewangan berbilion ringgit daripada hasil cukai rakyat.

Justeru sudah tiba masanya sistem perbankan Islam yang berasaskan Maqasid al-Syariah yang luhur ini bukan sahaja diperkasakan, malah dipromosikan secara besar-besaran sebagai suatu sistem alternatif kepada sistem konvensional kapitalisme yang jelas membobrokkan dunia secara halus. Selagi matlamat dan prinsip Syariah dimartabatkan, sistem perbankan Islam pastinya mampu berdiri kukuh dan menjelmakan dampak positif kepada umat sejagat.

Kesimpulan

Berasaskan ciri-ciri asas sistem perbankan Islam yang berteraskan prinsip Maqasid al-Syariah, penulis berkeyakinan bahawa sistem ini mampu bukan sahaja mempengaruhi transformasi kewangan dunia Islam bahkan menjadi alternatif terbaik bagi menggantikan sistem kewangan konvensional yang berasaskan riba dan unsur-unsur eksploitasi dan manipulasi. Maqasid al-Syariah dalam konteks perbankan Islam ini tidak sekali-kali menafikan hakikat kepentingan untuk memaksimakan keuntungan yang manfaatnya juga akan dirasai oleh semua pihak. Namun yang lebih utama, prinsip Syariah akan sentiasa memandu dan mengawal selia institusi perbankan Islam daripada hanya berorientasikan keuntungan tanpa melihat kepada aspek pembangunan sosial masyarakat. Dengan kata lain perbankan Islam boleh mencari untung tetapi tidak melalui cara penindasan, ekploitasi, penipuan, manipulasi dan apa jua bentuk yang tidak berakhlak sebagaimana yang dilakukan oleh institusi-institusi perbankan konvensional hingga menjerumus masyarakat antarabangsa ke lembah malapetaka. Sebaliknya sistem perbankan Islam sejati akan sentiasa menghayati dan menterjemahkan segala prinsip dan maqasid syarak dalam urus niaganya hingga mampu membangunkan landskap kewangan yang lebih telus, adil dan saksama.